

03/04/1997

Sikap ibu bapa punca gejala sosial

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meraikan kira-kira 190 kanak-kanak dari beberapa rumah kebajikan sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia, di Carcosa Seri Negara, di sini.

Perdana Menteri juga menyampaikan cenderamata dan wang RM15 seorang kepada kanak-kanak berkenaan. Majlis itu dianjurkan bersama Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Matsushita Air-Conditioning Group of Companies dan Carcosa Sdn Bhd.

Kanak-kanak itu adalah dari lima rumah kebajikan di sekitar Wilayah Persekutuan dan lapan lagi dari Selangor, termasuk Rumah Bakti, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Persatuan Kanak-kanak Spastik Petaling Jaya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Siti Hasmah berkata sikap ibu bapa yang tidak menghiraukan masa depan anak serta seolah-olah merelakan mereka terjerumus ke lembah kehinaan dikenal pasti sebagai punca wujudnya gejala sosial di kalangan remaja.

Menurutnya, gejala sosial itu wujud hasil daripada sikap ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka melakukan perbuatan bertentangan dengan tatasusila, budaya dan agama.

Beliau berkata, konsep tanggungjawab terhadap anak-anak yang dibesarkan sering disalahertikan ibu bapa dengan menyediakan kemewahan, bukannya kemesraan.

"Sikap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan mengabaikan kebajikan menyebabkan anak mengalami tekanan psikologi yang tidak sepatutnya dihadapi mereka.

"Anak-anak lebih sensitif jika perasaan mereka tidak dipedulikan berbanding keperluan fizikal yang tidak dipenuhi," katanya.

Di majlis itu, Dr Siti Hasmah juga menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM100,000 sumbangan Matsushita Air-Conditioning Group of Companies yang disampaikan Pengarah Urusannya, Ikuo Miyamoto.

(END)